MANOHARAN MALAYALAM

lwn.

MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI, MALAYSIA & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAINAL AZMAN ABDUL AZIZ PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-87-2007]
26 FEBRUARI 2008

TAHANAN PENCEGAHAN: *Tahanan - Permohonan habeas corpus - Sama ada terdapat perlanggaran Perlembagaan Persekutuan - Sama ada perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri di bawah s. 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tidak sah - Sama ada siasatan dan laporan penyiasatan kehendak s. 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 satu pra syarat di dalam membuat satu perintah tahanan di bawah s. 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 - Sama ada s. 8(1) dan s. 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri ada kaitan - Sama ada ketidakpatuhan prosedur kepada s. 11(2)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan k. 3(1) Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Acara Lembaga Penasihat) 1972 - Sama ada pemohon gagal menunjukkan bukti berlaku perlanggaran mana-mana kehendak/keperluan prosedur*

Pemohon-pemohon (5 semuanya) telah memfailkan notis usul bagi writ *habeas corpus* bagi pembebasan mereka di mana perintah tahanan telah dikeluarkan oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia pada 13 Disember 2007 dan ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak. Alasan-alasan penahanan sepertimana tercatat di perintah tahanan tersebut dibuat bagi mencegah melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan Malaysia. Oleh kerana alasan penahanan adalah sama terhadap semua pemohon-pemohon, peguam yang mewakili semua pemohon bersetuju untuk berhujah atas satu permohonan iaitu 44-87-07 (Manoharan) yang mana keputusan akan terpakai kepada permohonan-permohonan yang lain. Pemohon telah memohon writ *habeas corpus* dikeluarkan dengan membebaskan pemohon dengan segera dan tidak ditahan semula kerana terdapat perlanggaran Perlembagaan Persekutuan. Pihak pemohon telah menimbulkan tiga isu utama untuk mencabar perintah tahanan sebagai tidak sah, iaitu: (i) perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah s. 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri

A 1960 ('AKDN') dan tidak sah kerana tiada siasatan dibuat di bawah s. 73 AKDN; (ii) sama ada s. 73 dan s. 8 AKDN adalah 'inextricably connected' dan (iii) ketidakpatuhan prosedur kepada s. 11(2)(b) AKDN dan k. 3(1) Kaedah-Kaedah Lembaga Penasihat 1972.

B

Diputuskan (menolak notis usul bagi perintah *habeas corpus*):

(1) Seksyen 8 AKDN adalah bebas dan boleh berdiri dengan sendirinya, tanpa merujuk kepada s. 73 AKDN. Ini adalah C kerana s. 8 memberi kuasa kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri sendiri untuk membuat suatu perintah tahanan tanpa siasatan di bawah s. 73 AKDN. Jelas Parlimen telah memberikan kuasa tersebut secara nyata tanpa perlu menjalani proses siasatan. Jika tidak, sudah tentu juga Parlimen akan D menyatakan sebaliknya. Oleh itu, perintah tahanan yang dibuat di bawah s. 8(1) adalah sah dan terpakai. (perenggan 26)

(2) Jelas Menteri Dalam Negeri telah memberi pertimbangan kepada semua faktor, iaitu daripada laporan penyiasatan kes E dan memutuskan pemohon telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menggugat ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia iaitu dengan melibatkan diri sebagai salah seorang pemimpin pertubuhan 'Hindu Rights Action Force' (HINDRAF). Jelas, tindakan Menteri bukan dibuat secara F mekanikal atau serkap jarang tetapi berdasarkan kepada penyiasatan fail kes yang dijalankan ke atas pemohon. Dengan itu penahanan pemohon di bawah s. 8(1) AKDN adalah dibuat secara sah. (perenggan 30)

G **(3)** Satu siasatan dan laporan penyiasatan seperti kehendak s. 73 AKDN bukanlah satu pra syarat atau 'condition precedent' di dalam membuat satu perintah tahanan di bawah s. 8(1) AKDN kerana tidak terdapat sebarang peruntukan sepertimana di s. 6(1) Akta Dadah Merbahaya (Langkah-Langkah H Pencegahan Khas) 1985 dan dengan itu, s. 8(1) AKDN adalah berdiri secara sendiri (operate independently). (perenggan 32)

(4) Adalah jelas bahawa s. 11(2)(b) AKDN menyatakan prosedur bagi penyerahan perintah tahanan dan memberitahu pemohon I akan hak-haknya untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat, untuk itu, Borang 1 diberikan. Manakala k. 3(1)(b) Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Acara Lembaga Penasihat 1972) juga menyatakan prosedur penyerahan

perintah tahanan dan pemberitahuan untuk maksud representasi melalui Borang 1 kepada Setiausaha Lembaga Rayuan. Walaupun keperluan k. 3(1) Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Acara Lembaga Penasihat 1972) menyatakan Borang 1 mesti diserahkan kepada setiausaha, namun penyerahan Borang 1 kepada Pengerusi Lembaga Penasihat sepertimana yang tercatat di muka dalam perintah tahanan tidak mencacatkan tahanan kerana pemohon telah diberitahu akan haknya untuk membuat representasi kepada afidavit. Pemohon telahpun diberitahu akan haknya untuk membuat satu representasi kepada Lembaga Penasihat dan kecacatan jika adapun hanya bersifat direktori dan bukan mandatori. (perenggan 36 & 37)

(5) Pemohon telah gagal untuk menunjukkan bukti berlaku ketidakpatuhan atau perlanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur dan perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah s. 8(1) AKDN 1960 adalah sah, walaupun tiada siasatan atau laporan penyiasatan di bawah s. 73 AKDN 1960 kerana kedua-dua seksyen ini adalah tiada kaitan. Penahanan pemohon pada masa ini di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak adalah sah dan mengikut undang-undang. (perenggan 38 & 39)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Razak Baharuddin & Ors v. Ketua Polis Negara & Ors And Another Appeal [2005] 4 CLJ 445 FC ***(refd)***

Ketua Polis Negara v. Abdul Ghani Haroon & Another Application [2001] 3 CLJ 853 FC ***(dibezakan)***

Mohamad Ezam Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals [2002] 4 CLJ 309 FC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, s. 6(1)
Courts of Judicature Act 1964, s. 78
Federal Constitution, arts. 5(1), (3), (4), 151(2), (3)
Internal Security Act 1960, ss. 8(1), (11), 8B(1), 8C(c), 11(a), (b), (2)(b), 16, 73,
Internal Security (Advisory Board Procedure) Rules 1972, k. 3(1)(b)

(Permohonan Jenayah No: 44-87-2007, 44-88-2007, 44-89-2007 & 44-90-2007)

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh (Ram Karpal Singh bersamanya); T/n Karpal Singh & Co

Bagi pihak responden - Tan Sri Abdul Ghani Patail (Kamaludin Md Said, Abdul Wahab Muhamad & Tun Abdul Majid Tun Hamzah bersamanya)

A *(Permohonan Jenayah No: 44-91-2007)*
Bagi pihak pemohon - Gobind Singh Deo; T/n Karpal Singh & Co
Bagi pihak responden - Tan Sri Abdul Ghani Patail (Kamaludin Md Said, Abdul Wahab Muhamad & Tun Abdul Majid Tun Hamzah bersamanya)
Bagi pihak peguam pemerhati - Bernard Francis; T/n Bernard Francis
B *Saha Deva Arunasalam; T/n Saha & Assoc*

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

C **PENGHAKIMAN**

Zainal Azman Abdul Aziz PK:

Pengenalan

D **[1]** Pemohon-pemohon (lima semuanya) telah memfailkan notis usul bagi writ *habeas corpus* bagi pembebasan mereka di mana perintah tahanan telah dikeluarkan oleh YB Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia pada 13 Disember 2007 dan ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak. Alasan-alasan
E penahanan sepertimana tercatat di perintah tahanan tersebut dibuat bagi mencegah melakukan perbuatan dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan Malaysia.

[2] Pemohon-pemohon yang memfailkan permohonan tersebut adalah:

F

i)	Manoharan a/l Malayalam	Fail No. 44-87-07
ii)	Ganabatirau a/l Veraman	Fail No. 44-88-07
iii)	Vasantha Kumar a/l Krishnan	Fail No. 44-89-07
iv)	Uthayakumar a/l Ponnusamy	Fail No. 44-90-07
v)	Kengadharan a/l Ramasamy	Fail No. 44-91-07

G

H **[3]** Oleh kerana alasan penahanan adalah sama, terhadap ke semua pemohon-pemohon, Encik Karpal Singh yang mewakili ke semua pemohon 44-87-07, 44-88-07, 44-89-07, 44-90-07 dan Encik Gobind Singh Deo bagi fail 44-91-07 bersetuju untuk berhujah atas satu permohonan iaitu 44-87-07 (Manoharan) yang mana keputusan akan terpakai kepada permohonan-permohonan
I yang lain. YBhg. Peguam Negara yang mewakili ke semua responden tiada bantahan akan cadangan tersebut.

[4] Pihak pemohon telah memfailkan notis usul bertarikh 19 Disember 2007 (lampiran 3). Permohonan tersebut telah disokong oleh afidavit sokongan Pushpaneela a/p V.N. Suppiah iaitu isteri kepada pemohon (Manoharan) yang diikrarkan pada 19 November 2007 (lampiran 4).

[5] Pihak responden telah membalas affidavit sokongan melalui afidavit-afidavit:

i) Afidavit jawapan Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad (lampiran 10).

ii) Afidavit jawapan Mohamad Irza bin Dahari (lampiran 11).

iii) Afidavit jawapan P/ACP Yusoff bin Mohd Amin (lampiran 12).

iv) Afidavit jawapan P/ASP Mohd Shah bin Omar (lampiran 13).

v) Afidavit jawapan ASP Chong Chin Huat (lampiran 14).

vi) Afidavit jawapan Insp. Mohamad Khairul bin Abu Bakar (lampiran 15).

vii) Afidavit jawapan Insp. Usman bin Lanaga (lampiran 16).

viii) Afidavit jawapan Insp. Raftah bt Abd. Rahman (lampiran 17).

ix) Afidavit jawapan ASP Mohd Khir bin Khalid (lampiran 18).

x) Afidavit jawapan Amer @ Amir bin Haron (lampiran 19).

xi) Afidavit jawapan Zakaria bin Saad (lampiran 20).

xii) Afidavit jawapan Yasuhimi bin Yusoff (lampiran 21).

xiii) Afidavit jawapan Mohammad Fairuz bin Mohd Nasir (lampiran 22).

Intipati Permohonan Pemohon

[6] Pemohon telah memohon writ *habeas corpus* dikeluarkan dengan membebaskan pemohon dengan segera dan tidak ditahan semula kerana terdapat perlanggaran Perlembagaan Persekutuan.

Alasan permohonan adalah seperti berikut:

i) Pada 13 Disember 2007 pemohon ditangkap oleh pihak polis semasa ia berada di sebuah tempat letak kereta di bahagian 2 bawah tanah, Plaza Pantai, Kuala Lumpur. Alasan-alasan penahanan adalah kabur dan tidak mencukupi bagi tujuan art. 5(3) Perlembagaan Persekutuan;

ii) Penahanan pemohon adalah tidak berdasarkan kuasa-kuasa yang sah;

iii) Berlaku perlanggaran peruntukan art. 5(3) dan 5(4) Perlembagaan Persekutuan;

iv) Responden pertama mengeluarkan perintah tanpa menggunapakai peruntukan s. 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mensyaratkan inkuiri serta siasatan polis bagi satu jangka masa tidak melebihi 60 hari termasuk mendengar pembelaan pemohon dan rekomendasi dari pihak polis yang perlu dirujuk oleh responden pertama sebelum membuat keputusan untuk mengeluarkan perintah tahanan di bawah s. 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, dan oleh itu penahanan pemohon adalah tidak sah kerana ketidakguna pakai s. 73 bersama-sama s. 8(1) Akta tersebut;

v) Pada 13 Disember 2007, pemohon diserahkan dengan satu perintah tahanan untuk dua tahun di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping di bawah s. 8(1) AKDN;

vi) Sepanjang tempoh tahanan Pemohon telah dinafikan hak beliau untuk mengemukakan alasan-alasan tahanan dan dakwaan fakta yang bertentangan dengan art. 5(1) Perlembagaan Persekutuan;

vii) Responden pertama telah bertindak secara mekanikal dan pra matang; dan

viii) Penahanan pemohon adalah berlandaskan dakwaan-dakwaan fakta yang tidak berasas dan demikian tangkapan pemohon sejak dari awal adalah tidak sah dan ini menjadikan seluruh penahanan pemohon tidak sah dan batal.

Jawapan Responden-Responden

[7] Afidavit jawapan Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad (responden 1) yang diikrarkan pada 11 Januari 2008

(a) Responden 1 menyatakan bahawa beliau selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkuasa mengeluarkan perintah tahanan berdasarkan alasan-alasan berikut:

(i) Berdasarkan fail yang mengandungi laporan lengkap penyiasatan fail kes yang dijelaskan ke atas pemohon yang diterima oleh saya dari Penolong Setiausaha di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Mohd Irza bin Dahari yang dikemukakan oleh P/ACP Yusoff bin Mohd Amin.

(ii) Responden 1 berpuas hati bahawa pemohon adalah terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang menggugat ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia iaitu secara sedar hati telah bergiat aktif selaku salah seorang pemimpin kepada satu pertubuhan yang tidak berdaftar iaitu Hindraf dengan mengadakan perhimpunan haram, penyerahan memorandum, di mana aktiviti tersebut membangkitkan sentimen perkauman.

(iii) Perintah tahanan yang dikeluarkan oleh responden 1 adalah sah dan betul dan proses penangkapan pemohon di bawah Akta tersebut juga adalah sah di sisi Perlembagaan Persekutuan dan di sisi undang-undang.

(iv) Responden 1 menegaskan hak pemohon untuk mengemukakan representasi atau pembelaan di hadapan Lembaga Penasihat adalah tidak dicabuli dan penahanan pemohon di bawah s. 8 Akta tersebut adalah tidak bertentangan dengan Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan.

[8] Afidavit jawapan Mohammad Irza bin Dahari (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Penolong Setiausaha (Kaunter Sabversif) di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (rujuk perenggan 2).

(b) Telah menyediakan perintah tahanan dan alasan-alasan perintah tahanan mengikut keputusan oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan berdasarkan arahan beliau (rujuk perenggan 6).

(c) Penahanan pemohon adalah diasaskan selaras dengan perintah tahanan dari berdasarkan alasan di dalam alasan perintah tahanan dan memenuhi kehendak undang-undang (rujuk perenggan 7).

A (d) Menyerahkan kembali fail pemohon berserta perintah tahanan yang telah ditandatangani oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri kepada P/ACP Yusoff bin Mohd Amin untuk melaksanakan penyampaian perintah tahanan tersebut (rujuk perenggan 8).

B (e) Tidak dapat menzahirkan kes fail kerana bertentangan dengan kepentingan Negara menurut s. 11 Ordinan berkenaan dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan (rujuk perenggan 9).

C **[9]** Afidavit jawapan P/ACP Yusoff bin Mohd Amin (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Pegawai Turus di Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur (rujuk perenggan 2).

D (b) Beljau telah menerima fail berkenaan pemohon pada 10 Disember 2007 dari P/ASP Mohd Shah bin Omar – pegawai yang menjalankan siasatan dan menyediakan fail berkaitan aktiviti pemohon (rujuk perenggan 5).

E (c) Setelah telitian dibuat, beliau berpendapat adalah wajar fail berkenaan dirujuk ke Menteri Keselamatan Dalam Negeri (rujuk perenggan 6).

(d) Beliau pada hari yang sama kemudian menghantar fail tersebut
F kepada Penolong Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri untuk dimajukan kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk tindakan lanjut (rujuk perenggan 7).

(e) Pada 13 Disember 2007, beliau dimaklumkan oleh PSU untuk
G mengambil kembali fail kes berkenaan yang disertakan bersama perintah tahanan dan alasan-alasan dan pengataan-pengataan fakta yang telah ditandatangani oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri (rujuk perenggan 8).

H (f) Beliau pada hari yang sama, telah menyerahkan kepada ASP Chong Chin Huat pegawai yang ditugaskan untuk menyempurnakan penyampaian, dua salinan asal perintah dan tiga salinan asal pernyataan di bawah s. 11(2)(b) yang mengandungi alasan-alasan dan pengataan-pengataan fakta dan
I empat salinan asal Borang 1 menyampaikan salinan asal perintah tahanan dan alasan perintah tahanan kepada pemohon pada 13 Disember 2005 jam 7.50 malam (rujuk perenggan 10).

(g) Beliau sesungguhnya percaya dan menyatakan bahawa segala Peruntukan Akta tersebut dan Perlembagaan Persekutuan telah diikuti dan dipatuhi dengan sempurna (rujuk perenggan 11).

[10] Afidavit Jawapan P/ASP Mohd Shah bin Omar (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Pegawai Kanan Polis di Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur (rujuk perenggan 2).

(b) Beliau ditugaskan untuk menyiasat kes ini dan menyediakan fail kes terhadap pemohon dan pada 10 Disember 2007 telah menyerahkan kes siasatan lengkap kepada pegawai atasan iaitu P/ASP Yusoff bin Mohd Amin untuk tindakan lanjut beliau (rujuk perenggan 8).

(c) Beliau tidak dapat mengemukakan butiran-butiran lanjut dan dokumen-dokumen secara terperinci atas dasar kepentingan negara sepertimana peruntukan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan dan s. 16 AKDN (rujuk perenggan 8).

[11] Afidavit Jawapan ASP Chong Chin Huat (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Pegawai Kanan Polis di Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur (rujuk perenggan 2).

(b) Beliau fasih berbahasa Melayu (rujuk perenggan 5).

(c) Pada 13 Disember 2007, jam 11.25 pagi, beliau telah menerima dua salinan perintah tahanan, tiga salinan asal penyataan yang mengandungi alasan-alasan dan Pengataan-pengataan Fakta dan empat salinan asal Borang 1 daripada P/ACP Yusoff bin Mohd Amin (rujuk perenggan 6).

(d) Selanjutnya pada jam 1.15 petang, beliau bersama Insp. Mohamad Khairul bin Abu Bakar dan Insp. Usman bin Lanaga pergi untuk menyampaikan perintah tersebut. Mengesahkan beliau menterjemah isi kandungan perintah tahanan dan alasan perintah tahanan kepada pemohon di dalam Bahasa Melayu pada 13 Disember 2007. Pemohon faham penerangan beliau. Beliau bawa pemohon ke Balai Polis Travers, Kuala Lumpur untuk menyempurnakan penyampaian perintah tahanan dan dokumen-dokumen berkaitan (rujuk perenggan 7).

A (e) Beliau menyatakan tidak dapat melakukan penyempurnaan perintah tahanan tersebut kerana berada di tempat awam dan beliau berpendapat adalah tidak sesuai dan oleh itu beliau telah membawa pemohon ke Balai Polis Travers Kuala Lumpur (rujuk perenggan 8).

B (f) Di Balai Polis Travers, beliau melakukan pemeriksaan badan dan kemudian menyampaikan kesemua dokumen-dokumen berkaitan kepada pemohon. Beliau menerangkan dan membacakan isi kandungan dalam Bahasa Melayu dan C pemohon akui faham (rujuk perenggan 9 dan 10).

(g) Beliau telah berjumpa dengan pemohon dan memberitahu, menjelaskan, menerangkan dan mengingatkan pemohon tentang hak-haknya membuat representasi, isi kandungan perintah tahanan dan alasan perintah tahanan, borang rayuan D berhubung dengan perintah tahanan (Borang 1) (rujuk perenggan 11).

(h) Pemohon akui faham dan menandatangani kesemua dokumen berkaitan (rujuk perenggan 12 dan 13).

E (i) Beliau kemudian buat satu surat memaklumkan kepada pegawai yang menjaga tempat tahanan tersebut bahawa perintah tahanan telah disampaikan di Balai Polis Travers dan juga nama pegawai yang jaga balai iaitu C/Insp. Jasmin bin F Hussin (rujuk perenggan 14).

(j) Beliau kemudian menguruskan hal-hal pengangkutan dan pegawai pengiring untuk membawa pemohon ke pusat tahanan dan pegawai yang diarahkan ialah ASP Mohd Khir bin Khalid G (rujuk perenggan 15).

(k) Beliau juga membuat satu laporan polis mengenai penangkapan dan penyampaian yang telah dibuat kepada pemohon (rujuk perenggan 16).

H (l) Beliau tegaskan bahawa beliau yang menangkap pemohon dan bukannya Insp. Raftah Abd Rahman seperti yang disebutkan dalam afidavit sokongan pemohon (rujuk perenggan 17).

(m) Beliau juga menerangkan dan memberitahu bahawa perintah I tahanan kepada pemohon adalah mengikut peruntukan dan perlembagaan yang sah dan oleh itu ia adalah benar. Dan hak pemohon untuk mendapatkan representasi dan khidmat peguam adalah dimaklumkan (rujuk perenggan 18).

[12] Afidavit jawapan Insp. Khairul bin Abu Bakar (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Pegawai Kanan Polis, Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (rujuk perenggan 2).

(b) Pada 13 Disember 2007 beliau bersama ASP Chong Chin Huat dan beberapa anggota polis yang lain menangkap dan menahan pemohon dan memberitahu, menjelaskan, menerangkan perintah tahanan dan mengingatkan pemohon tentang hak-haknya membuat representasi, isi kandungan perintah tahanan dan alasan perintah tahanan, borang rayuan, berhubung dengan perintah tahanan (Borang 1) di dalam bahasa Melayu yang mudah difahami (rujuk perenggan 6).

(c) Beliau juga mengesahkan pada tarikh yang sama jam 3.20 petang, ASP Chong Chin Huat, telah menyerahkan perintah tahanan dan semua yang berkaitan kepada pemohon (rujuk perenggan 7).

(d) Beliau mengesahkan isi kandungan perintah tersebut dibacakan dan diterangkan dalam Bahasa Melayu (rujuk perenggan 8).

(e) Setelah ke semua diterangkan, beliau juga mengesahkan bahawa ASP Chong Chin Huat telah bertanya kepada pemohon sama ada pemohon faham akan penerangannya dan sekiranya faham ASP Chong Chin Huat meminta pemohon menandatangani perintah tahanan tersebut sebagai akuan penerimaan (rujuk perenggan 11).

(f) Salinan asal turut diberikan kepada pemohon kepada pegawai pengiring ASP Mohd Khir bin Khalid (rujuk perenggan 12).

(g) Beliau juga sahkan ASP Chong Chin Huat telah membuat laporan polis berkaitan penangkapan dan penyampaian perintah tahanan dan juga beliau sahkan bahawa ASP Chong Chin Huat yang menangkap pemohon, bukannya Insp. Raftah Abd Rahman (rujuk perenggan 13 dan 15).

(h) Beliau turut sahkan bahawa tindakan ASP Chong Chin Huat adalah mengikut peruntukan yang benar dan sah (rujuk perenggan 16).

[13] Afidavit jawapan Insp. Usman bin Lanaga (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Pegawai Kanan Polis di Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (rujuk perenggan 2).

(b) Pada 13 Disember 2007 beliau bersama ASP Chong Chin Huat, Insp. Mohamad Khairul bin Abu Bakar telah menahan pemohon dan menyerahkan kepada pemohon perintah tahanan (rujuk perenggan 6).

(c) Beliau juga mengesahkan ASP Chong Chin Huat telah membaca dan menerangkan kepada pemohon dan bertindak menterjemah perintah tahanan, alasan perintah tahanan, borang rayuan (Borang 1) dan hak-hak pemohon untuk membuat representasi dan diakui difahami pemohon (rujuk perenggan 9 dan 10).

(d) Beliau juga mengesahkan segala tindakan ASP Chong Chin Huat adalah benar dan sah dan ASP Chong Chin Huat juga telah menahan pemohon dan bukannya Insp. Raftah Abd Rahman (rujuk perenggan 12, 13, 14, 15 dan 16).

[14] Afidavit jawapan Insp. Raftah Abd Rahman (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Pegawai Kanan Polis Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (rujuk perenggan 2).

(b) Beliau mengesahkan segala tindakan ASP Chong Chin Huat adalah benar dan sah dan ASP Chong Chin Huat juga telah menahan pemohon bukannya beliau. Dan peranan beliau hanyalah mencatat senarai barang-barang peribadi pemohon (rujuk perenggan 5).

[15] Afidavit jawapan ASP Mohd Khir bin Khalid (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Pegawai Kanan Polis di Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (rujuk perenggan 2).

(b) Beliau telah ditugaskan sebagai pegawai pengiring pemohon ke Tempat Tahanan Perlindungan (rujuk perenggan 5).

(c) Beliau juga mengesahkan pada 13 Disember 2007 ASP Chong Chin Huat telah menyerahkan kepada beliau Manoharan a/l Malayalam iaitu pemohon, untuk dihantar dan ditahan di atas perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Beliau juga telah diserahkan semua dokumen berkaitan dan beliau telah melakukan pemeriksaan kepada pemohon untuk memastikan pemohon dalam keadaan baik (rujuk perenggan 6)

(d) Pada jam 5.10, beliau membawa pemohon ke tempat tahanan tersebut dan menyerahkan pemohon kepada Penolong Penguasa Penjara Zakaria bin Saad. Setelah rekod diambil, beliau menyerahkan semua dokumen berkaitan perintah tahanan kepada Zakaria Saad (rujuk perenggan 8 dan 9).

[16] Afidavit jawapan Zakaria bin Saad (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Penolong Penguasa Penjara di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping dan pegawai rekod kemasukan tahanan (rujuk perenggan 2).

(b) Beliau pada 13 Disember 2007 telah menerima masuk pemohon oleh ASP Mohd Khir bin Khalid di atas satu perintah tahanan oleh Menteri Kementerian Dalam Negeri (rujuk perenggan 5).

(c) Kesemua dokumen berkaitan pemohon diserahkan kepada beliau dan beliau mencatit kesemua butir-butir peribadi pemohon termasuk ahli keluarga pemohon untuk kebenaran melawat. Kemudian beliau serahkan juga dokumen berkaitan kepada Penguasa Kanan Penjara, Amer @ Amir bin Haron yang menjalankan pentadbiran dan pengurusan penjara (rujuk perenggan 6, 7 dan 8).

(d) Beliau menegaskan bahawa penangkapan dan penahanan pemohon adalah dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang yang sah (rujuk perenggan 11).

[17] Afidavit jawapan Amer @ Amir bin Haron (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Penguasa di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping (rujuk perenggan 2).

A (b) Beliau mengesahkan pada masa itu, Penguasa Kanan Penjara, Yasuhimi bin Yusoff berada di luar kawasan kerana menghadiri satu mesyuarat dan semasa ketiadaannya beliau adalah diberi kuasa penuh untuk menjalankan pentadbiran dan pengurusan penjara (rujuk perenggan 5).

B (c) Beliau juga mengesahkan pemohon diterima masuk pada 13 Disember 2007 oleh Zakaria bin Saad dan kemudiannya Zakaria bin Saad telah menyerahkan surat pemakluman kepada ASP Chong Chin Huat (rujuk perenggan 6 dan 7).

C (d) Beliau kemudian telah menerangkan kepada pemohon berkaitan dengan semua keadaan bagi memastikan pemohon benar-benar faham sebab penahanannya (rujuk perenggan 8).

(e) Pada 17 Januari 2008 Penguasa Kanan Penjara, Yasuhimi bin
D Yusoff mengarahkan beliau untuk menghantar secara pos satu salinan Borang 1 yang telah dilengkapi pemohon kepada Lembaga Penasihat (rujuk perenggan 10).

(f) Beliau menegaskan bahawa semua kaedah penangkapan dan
E penahanan pemohon adalah dipatuhi (rujuk perenggan 11 dan 12).

[18] Afidavit jawapan Yasuhimi bin Yusoff (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

F (a) Beliau adalah pengarah di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping (rujuk perenggan 2).

(b) Pada 13 Disember 2007, semasa penerimaan masuk pemohon, beliau mengesahkan beliau tiada dan Amer @ Amir bin Haron
G adalah diberi kuasa penuh untuk menjalankan pentadbiran dan pengurusan penjara dan penerimaan masuk. Pemohon direkodkan oleh Zakaria b. Saad sebelum pemohon dihantar kepada Penguasa Kanan (rujuk perenggan 5).

H (c) Beliau mengakui tidak sempat bertemu pemohon, dan pada 14 Disember 2007 setelah Amer @ Amir bin Haron menyerahkan satu salinan perintah tahanan, beliau terus menemui pemohon (rujuk perenggan 7).

I (d) Beliau berbual-bual dengan pemohon di dalam bahasa Melayu bagi memastikan pemohon benar-benar memahami bahasa tersebut. Beliau juga kembali menerangkan kepada pemohon perintah tahanan tersebut dan hak-hak pemohon (rujuk perenggan 8).

(e) Beliau juga mengesahkan Borang 1 yang telah dilengkapi pemohon telah dihantar kepada Lembaga Penasihat dan diakui terima oleh Mohammad Fairuz bin Mohd Nasir (rujuk perenggan 9).

(f) Pada 14 Disember 2007, beliau telah memberi kebenaran kepada keluarga terdekat pemohon bersama peguam yang dilantik oleh keluarga pemohon iaitu, Sreedevi Naidu a/p T. Sreeramalu Naidu seperti yang tercatit di dalam rekod pemohon nama-nama waris pemohon untuk bertemu pemohon. Dalam pada itu juga, Peguam Karpal Singh juga ingin berjumpa pemohon, tetapi berdasarkan prosedur yang ada adalah tidak membenarkan mana-mana pihak tanpa sebarang kebenaran yang sah menemui pemohon. Dan beliau pada hal ini, telah memberikan budi bicara beliau untuk membenarkan hanya peguam yang benar-benar dilantik oleh pemohon untuk berjumpa pemohon. Walau bagaimanapun pada 19 Disember 2007 peguam-peguam tersebut telah dibenarkan berjumpa pemohon berdasarkan surat lantikan peguam dan persetujuan pemohon (rujuk perenggan 10).

[19] Afidavit jawapan Muhammad Fairuz bin Mohd Nasir (yang diikrarkan pada 11 Januari 2008)

(a) Beliau adalah Setiausaha kepada Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri (rujuk perenggan 2).

(b) Mengesahkan Borang 1 pemohon bertarikh 17 Disember 2007 telah diterima pada 26 Disember 2007 daripada pegawai yang menjaga Tempat Tahanan Perlindungan Taiping (rujuk perenggan 5).

(c) Beliau juga mengesahkan tarikh representasi pemohon telah ditetapkan pada 14 Januari 2008 oleh Tuan Kamardin bin Hashim iaitu Pengerusi Lembaga Penasihat dan kemudiannya beliau mengarahkan agar sesalinan notis tersebut dihantar kepada tempat tahanan dan notis pendengaran representasi dalam bentuk Borang II kepada peguam-peguam pemohon (rujuk perenggan 6).

A **Undang-undang Terpakai**

[20] Beban bagi permohonan ini terletak di bahu pemohon untuk membuktikan pihak yang berkuasa telah tidak mematuhi kaedah-kaedah prosedur dan *mala fide* bukanlah satu 'procedural non-
B compliance' bagi mencabar perintah tahanan tersebut di bawah s. 8(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN). Ini boleh dirujuk kepada peruntukan s. 8B(1) dan 8C(c) yang berbunyi:

> 8B(1) Tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman di dalam mana-mana mahkamah, dan tiada mahkamah boleh
C mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang Di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa persoalan tentang pematuhan apa-apa kehendak
D tatacara dalam Akta ini yang mentadbir tindakan atau keputusan itu.
>
> 8C. Dalam Akta ini, "kajian semula kehakiman" termasuklah prosiding yang dimulakan dengan cara:
>
E ...
>
> (c) Writ *habeas corpus*; dan.

[21] Berpandukan kepada keputusan kes *Abdul Razak Baharudin & Ors v. Ketua Polis Negara & Ors And Another Appeal* [2005] 4
F CLJ 445, Mahkamah Persekutuan memutuskan, antara lain:

> So, the test, whether subjective or objective, used to determine whether *mala fide* has or has not been shown is of no relevance now, in a challenge against an act done under section 8. When
G *mala fide* itself is no longer an issue under section 8, the test thereof is clearly no longer relevant. The issue now under section 8 is whether a procedural requirement has or has not been complied with.

[22] Pihak pemohon telah menimbulkan tiga isu utama untuk
H mencabar perintah tahanan sebagai tidak sah, iaitu:

(a) Perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah s. 8 AKDN tidak sah kerana tiada siasatan dibuat di bawah s. 73 AKDN.

I (b) Sama ada s. 73 dan s. 8 AKDN adalah 'inextricably connected'.

(c) Ketidakpatuhan prosedur kepada s. 11(2)(b) AKDN dan k. 3(1) Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Acara Lembaga Penasihat) 1972.

[23] Adalah jelas bahawa perintah tahanan yang dikeluarkan, ia dibuat oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah s. 8(1) AKDN tanpa siasatan di bawah s. 73 AKDN.

[24] Satu kes penting yang berkaitan dengan kedudukan di atas adalah kes *Mohamad Ezam Mohd Nor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 4 CLJ 309 di mana dalam kes berkenaan, pemohon telah ditahan di bawah s. 8(1) AKDN tanpa proses siasatan di bawah s. 73 AKDN.

[25] Di dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan tersebut, Steven Shim (CJ Sabah dan Sarawak) menyatakan, antara lain:

> 'Inextricably connected' would mean that ss. 73(1) and 8 are wholly dependant on each other. In the court's view, such a proposition would have the effect of inhibiting or restricting the unfettered discretion of the minister. It would mean that the minister could not, on his own and independent of the police, conduct any investigation or take into consideration factors extraneous to those arising from police investigation under s. 73. What matters of national interest are infinitely varied. So are matters of national security of the State. These are the concerns of the minister. In the exercise of his discretion, he need not necessarily have to consider and rely on police investigation. This is implicit in the very nature of an unfettered discretion. Furthermore, police investigation under s. 73 may stop short of submission or reference to the minister where circumstances reveal insufficient evidence to warrant the continued detention of the detainee. Clearly, if it was the intention of Parliament to impose a mandatory obligation on the part of the minister to consider the police investigation under s. 73 before he could issue a detention order under s. 8, Parliament would have expressly provided for it, but such express provisions are absent in ss. 8 or 73 of the ISA, thus although ss. 73(1) and 8 are connected, they can nevertheless operate quite independently of each other under certain circumstances. In the circumstances, it cannot therefore be said that they are 'inextricably connected'.

[26] Menerima pakai keputusan kes di atas, saya putuskan bahawa s. 8 AKDN adalah bebas dan boleh berdiri dengan sendirinya, tanpa merujuk kepada s. 73 AKDN. Ini adalah kerana s. 8 memberi kuasa kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri

A sendiri untuk membuat suatu perintah tahanan tanpa siasatan di bawah s. 73 AKDN. Jelas Parlimen telah memberikan kuasa tersebut secara nyata tanpa perlu menjalani proses siasatan. Jika tidak, sudah tentu juga Parlimen akan menyatakan sebaliknya. Oleh itu, perintah tahanan yang dibuat di bawah s. 8(1) adalah sah dan
B terpakai.

[27] Di dalam kes *Ketua Polis Negara v. Abdul Ghani Haroon & Another Application* [2001] 3 CLJ 853, Haidar FCJ menyatakan, antara lain:

C

> Section 73 of the ISA cannot be divorced from section 8 of the ISA. This is what Salleh Abbas LP said in *Tan Sri Raja Khalid bin Raja Harun* at page 186:
>
> > The arrest and detention under s. 73(1) is pending inquiries
> D to see if an order under s. 8 should be made by the Minister. It is celar from the language of the two sections that s. 73 provides for initial detention and cannot be divorced from s. 8 of the Act which provides for the final detention.

E **[28]** Namun begitu, keputusan kes *Abdul Ghani Haroon* tidak langsung dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ezam* walaupun Hakim Steve Shim dan Abdul Malek Ahmad yang menjadi panel turut sama dalam kes *Ezam*. Oleh itu, saya putuskan kes *Ezam* patut diikuti oleh mahkamah ini dan bukan keputusan
F kes *Abdul Ghani Haroon.*

[29] Daripada afidavit jawapan Menteri Keselamatan Dalam Negeri (lampiran 10) adalah jelas bahawa beliau telah menimbangkan dan mengambil kira faktor-faktor penting sebagai asas untuk
G membuat keputusan perintah tahanan.

Perenggan 5

> Saya sesungguhnya menyatakan bahawa pada 10.12.2007, saya telah menerima laporan lengkap penyiasatan fail kes
> H yang dijalankan ke atas Pemohon dari Penolong Setiausaha di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Mohamad Irza bin Dahari bagi saya menimbang untuk melaksanakan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta tersebut").

I

Perenggan 6

Saya dengan tegasnya menyatakan bahawa saya telah membaca dan meneliti segala isi kandungan yang terdapat dalam laporan lengkap penyiasatan fail kes yang dijalankan ke atas Pemohon maka saya berpendapat terdapat asas-asas bahawa Pemohon terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menggugat ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia iaitu secara sedar dan rela hati telah bergiat aktif selaku salah seorang daripada pemimpin dan penasihat undang-undang dalam sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar iaitu "Hindu Rights Action Force" (HINDRAF) dengan mengadakan perhimpunan haram, penyerahan memorandum dan mengadakan forum-forum yang mana di dalam aktiviti-aktiviti tersebut telah membangkitkan sentimen perkauman dan perasaan bencikan kerajaan di kalangan orang India dan bagi menjayakan perjuangan itu, HINDRAF cuba mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap perjuangannya serta bantuan daripada pertubuhan pengganas "Liberation Tigers of Tamil Eelam" (LTTE) bagi tujuan melancarkan rusuhan yang lebih besar dalam negara ini yang mana kegiatan-kegiatan tersebut telah dan akan menggugatkan ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia.

Perenggan 7

Saya selanjutnya dengan suci hati menyatakan bahawa berdasarkan kepada isi kandungan yang terdapat dalam laporan lengkap penyiasatan fail kes yang dijalankan ke atas Pemohon, saya percaya dalam beberapa peristiwa di mana Pemohon yang merupakan salah seorang pemimpin dan penasihat undang-undang HINDRAF yang terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti tertentu dengan menanam rasa benci dan menyemarakkan kemarahan orang India secara membangkitkan sentimen perkauman dan mencetuskan rasa benci terhadap orang Melayu di mana tindakan-tindakan Pemohon itu, jika tidak dicegah dan dibendung boleh menyebabkan rusuhan perkauman yang lebih besar dalam negara ini yang akan menggugatkan ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia.

Perenggan 8

Saya sesungguhnya menyatakan bahawa pada 13.12.2007, berdasarkan kepada penelitian-penelitian saya kepada laporan lengkap penyiasatan fail kes yang dijalankan ke atas Pemohon, Pemohon telah menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan yang telah dan akan menggugat ketenteraman

awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia. Saya juga mengambil kira fakta bahawa walaupun selepas dilarang oleh mahkamah di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah, Pemohon masih lagi menganjur serta menghasut dan meneruskan perhimpunan yang tidak mendapat kebenaran polis. Perhimpunan yang berlaku telah menyebabkan anggota-anggota polis cedera dan kerosakan harta benda awam dan Kerajaan. Selanjutnya, saya telah menggunakan minda saya dan setelah berpuashati bahawa aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Pemohon seperti yang saya nyatakan di perenggan 6 dan 7 di atas telah dan akan menggugat ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia. Saya tidak dapat menzahirkan fail kes berkenaan aktiviti-aktiviti Pemohon kerana saya berpendapat dengan berbuat demikian ia bertentangan dengan kepentingan negara menurut Seksyen 16 Akta tersebut dan Perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.

Perenggan 9

Pada tarikh yang sama iaitu 13.12.2007, saya telah membuat satu Perintah Tahanan yang mengarahkan supaya Pemohon ditahan bagi tempoh dua tahun mulai tarikh yang sama juga iaitu 13.12.2007 di bawah seksyen 8(1) Akta tersebut (selepas ini dirujuk sebagai "Perintah Tahanan tersebut"). Saya dengan sebenar-benarnya mengatakan bahawa Perintah Tahanan tersebut terhadap Pemohon adalah dibuat dengan suci hati dan memenuhi peruntukan-peruntukan Akta tersebut. Sesalinan Perintah Tahanan tersebut bertarikh 13.12.2007 yang telah disempurnakan seperti di ekshibit "YY-2" di dalam Afidavit Yasuhimi bin Yusoff.

Perenggan 17

Saya merujuk kepada perenggan 8(vii) Afidavit Sokongan tersebut dan saya mengulangi pernyataan-pernyataan saya di perenggan 6, 7, 8 dan 9 di atas serta menegaskan sekeras-kerasnya bahawa saya telah mengambil kira dan berpuashati dengan siasatan dan syor pihak polis di samping pengetahuan saya sendiri terhadap aktiviti-aktiviti yang menggugat ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia yang dijalankan oleh Pemohon. Selain daripada itu juga, Pemohon telah diberi hak di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta tersebut untuk mengemukakan representasi di hadapan Lembaga Penasihat yang sekali gus ianya tidak menafikan hak-hak Pemohon untuk membuat pembelaan.

[30] Daripada afidavit jawapan tersebut, jelas Menteri Dalam Negeri telah memberi pertimbangan kepada semua faktor, iaitu daripada laporan penyiasatan kes dan memutuskan pemohon telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang menggugat ketenteraman awam dan memudaratkan keselamatan Malaysia iaitu dengan melibatkan diri sebagai salah seorang pemimpin pertubuhan 'Hindu Rights Action Force' (HINDRAF). Jelas, tindakan Menteri bukan dibuat secara mekanikal atau serkap jarang tetapi berdasarkan kepada penyiasatan fail kes yang dijalankan ke atas pemohon. Dengan itu penahanan pemohon di bawah s. 8(1) AKDN adalah dibuat secara sah.

[31] Saya juga memutuskan keputusan kes *Mohd Ezam* adalah betul, mematuhi kehendak s. 78 Courts of Judicature Act 1964.

> (1) If in the Course of any proceeding, or in the case of reserved judgment, at any time before delivery of the judgment, any Judge of the Court hearing the proceeding is unable, through illness or any other cause, to attend the proceeding or otherwise exercise his functions as a judge of the Court, **the hearing of the proceeding shall continue before, and judgment, or reserved judgment as the case may be, shall be given by the remaining judges of the court, not being less than two,** and the Courts Shall, for the purposes of the proceeding, be deemed to be duly constituted notwithstanding the absence or inability to act of the Judge as aforesaid.
>
> (2) In any such case as is mentioned in subsection (1) the proceeding shall be determined in accordance with the opinion of the majority of the remaining Judges of the Court, and, if there is no majority the proceeding shall be re-heard.

Walaupun Allahyarham Wan Adnan Ismail, PMR telah meninggal dunia pada 24 Disember 2001, YA Dato' Abdul Malek Ahmad HMP memutuskan bahawa kedudukan kes itu bertepatan dengan kehendak s. 78 Courts of Judicature Act 1964. Oleh itu, keputusan kes *Mohamad Ezam* adalah terpakai dan mengikat mahkamah ini.

[32] Berpandukan alasan-alasan di atas, saya putuskan bahawa di dalam kes ini, satu siasatan dan laporan penyiasatan seperti kehendak s. 73 AKDN bukanlah satu pra syarat atau 'condition precedent' di dalam membuat satu perintah tahanan di bawah s. 8(1) AKDN kerana tidak terdapat sebarang peruntukan sepertimana di s. 6(1) Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan dengan itu, s. 8(1) AKDN boleh berdiri secara sendiri (operate independently).

[33] Mengenai isu ketidakpatuhan prosedur kepada s. 11(a)(b) AKDN dan k. 3(1) Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Acara Lembaga Penasihat) 1972, perkara ini timbul daripada apa yang terkandung di Lampiran 14, iaitu afidavit jawapan ASP Chong Chin Huat bahawa ia telah menyerahkan tiga salinan Borang 1 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Acara Lembaga Penasihat) 1972 untuk membolehkannya mengemukakan representasi kepada Pengerusi Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di bawah Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

[34] Merujuk kepada perenggan 11 Lampiran 14 yang menyatakan:

Perenggan 11

> Saya kemudian telah membaca dan menerangkan kepada Pemohon di dalam Bahasa Malaysia yang mudah tentang haknya untuk membuat representasi bagi rayuan terhadap Perintah Tahanannya kepada Lembaga Penasihat mengikut peruntukan di bawah seksyen 11 (2) Akta tersebut ... .

[35] Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan berbunyi:

> An advisory board constituted for the purposes of this Article shall consists of a chairman, who shall be appointed by the YDP Agong and who shall be or have been, or be qualified to be, a judge of the Federal Court, the Court of Appeal or a High Court, or shall before Malaysia Day have been a judge of the Supreme Court and two other members who shall be appointed by the YDP Agong.

Seksyen 11(2) AKDN berbunyi:

> (2) For the purpose of enabling a person to make representations under subsection (1) he shall, at the time of the service on him of the order:
>
> (a) be informed of his right to make representations to an Advisory Board under subsection (1); and
>
> (b) be furnished by the Minister with a statement in writing:
>
> (i) of the grounds on which the order is made;

[36] Adalah jelas bahawa s. 11(2)(b) AKDN menyatakan prosedur bagi penyerahan perintah tahanan dan memberitahu pemohon akan hak-haknya untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat, untuk itu, Borang 1 diberikan kepadanya.

Manakala k. 3(1)(b) Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Acara Lembaga Penasihat) 1972 juga menyatakan prosedur penyerahan perintah tahanan dan pemberitahuan untuk maksud representasi melalui Borang 1 kepada Setiausaha Lembaga Rayuan.

[37] Walaupun keperluan k. 3(1) Kaedah-Kaedah Keselamatan Dalam Negeri (Acara Lembaga Penasihat) 1972 menyatakan Borang 1 mesti diserahkan kepada Setiausaha, namun penyerahan Borang 1 kepada Pengerusi Lembaga Penasihat sepertimana yang tercatat di muka dalam perintah tahanan tidak mencacatkan tahanan kerana pemohon telah diberitahu akan haknya untuk membuat representasi kepada afidavit. Afidavit jawapan yang dikemukakan. Pemohon telahpun diberitahu akan haknya untuk membuat satu representasi kepada Lembaga Penasihat dan kecacatan jika adapun hanya bersifat direktori dan bukan mandatori.

[38] Pada kesimpulannya, pada hemat saya, pemohon telah gagal untuk menunjukkan bukti berlaku ketidakpatuhan atau perlanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur dan perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di bawah s. 8(1) AKDN 1960 adalah sah, walaupun tiada siasatan atau laporan penyiasatan di bawah s. 73 AKDN 1960 kerana kedua-dua seksyen ini adalah tiada kaitan.

[39] Berdasarkan kepada keterangan yang dibawa ke hadapan saya, saya berpendapat penahanan pemohon pada masa ini di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak adalah sah dan mengikut undang-undang.

[40] Dengan yang demikian, berdasarkan alasan-alasan yang telah saya huraikan di atas, notis usul di lampiran 3 bagi satu perintah *habeas corpus* ditolak. Begitu juga kepada empat permohonan yang lainnya.